

25/10/2003

'Dr M sukar dicari ganti'

SHAH ALAM: Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo menyifatkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pemimpin dinamik yang sukar dicari ganti.

Sambil menganggap Dr Mahathir memiliki kualiti kepemimpinan yang jarang ada pada pemimpin lain, beliau berkata, banyak idea yang dicetuskan berjaya menaikkan martabat dan imej negara.

Katanya, rakyat harus bersyukur kerana dikurniakan pemimpin seperti Dr Mahathir yang sentiasa bekerja keras demi memajukan Malaysia walaupun sesetengah ideanya tidak popular.

"Dulu, ramai orang sangsi dan meragui idea membuat kereta sendiri atau Dasar Pandang ke Timur tetapi kini semua kagum dan mengakui tanpa Dr Mahathir, kita tidak semaju sekarang," katanya.

Sambil berterima kasih kerana melantiknya sebagai Menteri Besar pada usia muda, Dr Mohamad Khir berkata, beliau banyak menerima bimbingan daripada Perdana Menteri.

"Saya sendiri selalu berjumpa Datuk Seri Dr Mahathir dan bertanyakan kepadanya pendapat ketika menghadapi masalah berat di Selangor.

"Selalu seseorang pemimpin berhenti rehat tetapi cara Dr Mahathir bekerja macam tak hendak berhenti. Begitulah hebatnya beliau bekerja demi negara," katanya.

Ditanya desas-desus hubungan beliau dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi renggang, beliau berkata: "Orang nak cakap, biar dia cakap," katanya.

Dr Mohamad Khir juga meminta rakyat bersatu padu di bawah pimpinan bakal Perdana Menteri itu dan tidak menjaja cerita karut, sebaliknya bekerja kuat demi negara kerana rakyat menilai pemimpin melalui kerjanya.